

NOTA PENTING

1. Semua maklumat yang tercatat pada slip Laporan Pendaftaran Kemasukan Calon (LPKC) ini adalah berdasarkan kepada maklumat yang diberikan oleh calon semasa membuat pendaftaran secara online.
2. LPKC ini hanya untuk kegunaan peperiksaan semester tahun semasa sahaja. Calon persendirian mesti mencetak LPKC ini pada setiap semester dan membawanya ke pusat peperiksaan sebagai tiket untuk menduduki peperiksaan dan untuk semakan Ketua Pengawas.
3. Sebarang pindaan maklumat pada LPKC hendaklah dimaklumkan kepada Majlis Peperiksaan Malaysia (u.p Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET) dengan menyertakan salinan LPKC dan salinan Kad Pengenalan selewat-lewatnya 2 minggu selepas LPKC dimuat naik ke portal Majlis Peperiksaan Malaysia. Satu salinan permohonan hendaklah dihantar kepada Ketua Sektor Penilaian dan Peperiksaan JPN. Namun demikian, pengemaskinian maklumat calon hanya akan dibuat pada slip keputusan calon kelak.
4. Caj sebanyak RM50.00 akan dikenakan bagi pembetulan maklumat pada LPKC (bayaran boleh dibuat dalam bentuk Wang Pos/Kiriman Wang atas nama Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia) sekiranya dipohon selepas 2 minggu LPKC telah dimuatnaik.
5. Calon yang telah diluluskan perpindahan pusat peperiksaan tetapi maklumat yang berkaitan dengan pusat peperiksaan dan angka giliran dalam LPKC masih belum dikemaskinian hendaklah menghubungi Majlis Peperiksaan Malaysia (u.p. Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET) dengan kadar SEGERA.
6. Calon boleh menyemak keputusan peperiksaan STPM melalui portal Majlis Peperiksaan Malaysia atau melalui SMS dengan menaip STPM<jarak>RESULT<jarak>No. Kad Pengenalan dan hantar ke 15888 pada tarikh yang akan ditentukan kelak.